



# MODUL USRAH PELAJAR

**DISEDIAKAN OLEH :**

**UST. HAJI MUHAMMAD IQBAL ZAHIN BIN ISMAIL  
HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

**DISUSUN:  
MUHAMMAD TAQI BIN RUMAIKI**

## **DEFINISI USRAH**

Dari segi bahasa, perkataan usrah الأُسرة adalah bahasa Arab yang bermaksud keluarga.

Dari segi istilah, usrah ialah kelompok manusia yang beriman dengan Islam dan berusaha tolong-menolong sesama sendiri untuk memahami dan menghayati Islam; berusaha mempertingkatkan ilmu dan amal, dan menghindari maksiat dan permusuhan berdasarkan firman Allah taala di dalam Al-Quran:0540

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ  
وَالْعُدُوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

“dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa Yang melanggar perintahNya)”. (Al-Maidah : 2)

## **TUJUAN DAN MATLAMAT USRAH**

Tujuan usrah ialah menghubungkan diri dengan Allah, merapatkan ukhuwah Islamiah dan kejiranan, memelihara dan menghubungkan diri sesama manusia dan alam, mendalami fardu ain, meluaskan faham terhadap Islam, dan memberi galakan dan bimbingan dalam ibadah kepada generasi muda. Di antara tujuan dan matlamat usrah ialah:

1. Meningkatkan kefahaman anggota-anggota terhadap Islam dan menentukan sikap terhadap satu-satu masalah sebagai umat Islam.
2. Menambahkan penghayatan dan menimbulkan perasaan tanggungjawab terhadap ajaran Islam secara peribadi dan jemaah.
3. Membina satu generasi Islam yang mengenali Islam sebagai ad-Din, menghayatinya dalam kehidupan peribadi, menjadikan azam dan cita-cita serta tindakan mendakwahkannya sebagai sistem hidup dalam keluarga, masyarakat dan negara.

4. Membina generasi Islam yang menegakkan akhlak Islamiah dalam diri dan sensitif terhadap segala perkara yang tidak Islamik.
5. Membina generasi Islam yang insaf dan sedar akan pelbagai bentuk cabaran dan godaan yang mengancam kemurnian Islam.
6. Mengikhlaskan diri anggota kepada Allah untuk mencari keredaan-Nya, mengharapkan pahala dan berasa gerun terhadap seksaan-Nya. Sebaliknya bukan disebabkan segan dengan naqib usrah atau kumpulannya. Oleh itu setiap anggota hendaklah membetulkan niat, diikuti dengan amalan sekalipun tanpa arahan sesiapa.
7. Mengukuhkan perasaan bersaudara dan memupuk semangat bertindak secara jemaah.

## RUKUN-RUKUN IKATAN USRAH

### i- Saling Berkenalan (التعارف )

Rukun pertama ialah berkenalan (taaruf) iaitu berkenalan sesama sendiri dan berkasih sayang di atas nama Islam dan cinta kepada Allah serta berusaha menghindarkan sebarang kekeruhan yang merenggangkan persahabatan. Elakkan perkara yang boleh mengeruhkan ukhuwah itu. Hal ini boleh dilakukan dengan sentiasa menjunjung titah firman Allah dan hadis Rasulullah s.a.w. Jadikan firman Allah dan hadis Rasulullah s.a.w. sebagai perkara yang wajib diutamakan.

Antara firman Allah dan hadis ialah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوٌ فَاصْبِرُوهُ أَبْيَنْ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ

تُرْحَمُونَ

١٠

“Sebenarnya orang-orang Yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.” (Al-Hujurat : 10)

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ  
 عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَانًا  
 وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَاعَ حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ  
 لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهَدُونَ

١٠٣

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu Dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu Dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam Yang bersaudara. dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya" (Ali-Imran :103)

#### ii- Saling Memahami (التفاهم )

Rukun yang kedua ialah bersefahaman (tafahum) iaitu bersefahaman dalam memahami Islam dan menghayatinya.Kita hendaklah berpegang pada kebenaran dengan mengerjakan apa-apa yang diperintahkan Allah dan meninggalkan apa-apa yang dilarang-Nya. Hisablah diri sendiri dengan sehalus-halusnya sama ada diri kita benar-benar mentaati perintah Allah atau terlibat dalam arena kederhanaan.

Setelah memeriksa diri sendiri, kita hendaklah nasihat-menasihati antara satu sama lain apabila kelihatan ada sesuatu yang cacat. Sahabat yang dinasihati itu hendaklah bersikap terbuka dan sanggup menerima nasihat dengan sukacita serta berterima kasih. Pemberi nasihat pula janganlah berubah hati terhadap sahabat yang dinasihati itu walaupun dengan kadar sehelai rambut sekali pun.

Nasihat hendaklah diberi dengan cara yang baik tanpa memandang rendah sahabat yang dinasihati itu. Pemberi nasihat janganlah menganggap dirinya lebih mulia. Jangan sekali-kali tawar hati terhadap sahabat yang silap itu. Sebaliknya, teruskanlah kasih

sayang anda terhadapnya sehingga Allah melakukan apa-apa perubahan yang dikehendaki-Nya.

Sahabat yang diberikan nasihat pula janganlah rasa hina diri dan keras kepala. Janganlah juga berubah hati walaupun sekadar sehelai rambut terhadap si pemberi nasihat. Janganlah dikurangi kasing sayang sesama sahabat. Fahamilah bahawa martabat kasih sayang kerana Allah itu adalah setinggi-tinggi martabat bagi pengertian kasih sayang.

### iii- Saling Membantu ( التكافل )

Rukun yang ketiga ialah bantu-membantu (takaful)

Rukun usrah yang ketiga ialah takaful yang bermaksud memelihara nasib sesama sendiri agar tiada sahabat yang terbiar atau terlantar. Amalkan rukun ini dengan bersungguh-sungguh, iaitu dengan cara menolong memikul bebanan sesama sendiri. Takaful merupakan tunjang iman dan inti ukhuwah sejati. Takaful boleh dijelmakan dengan cara bertanya khabar sesama sendiri, ziarah menziarahi dan membuat kebajikan. Bersegera menolong antara satu sama lain sedaya upaya.

## JENIS NAJIS DALAM ISLAM DAN CARA MENYUCIKANNYA

### 1. PENGERTIAN NAJIS

Bahasa : Benda-benda kotor dan jijik.

Istilah : Kotoran yang menyebabkan tidak sah solat sekiranya hadir pada badan, pakaian dan tempat dia mengerjakan solat.

### 2. KEJADIAN NAJIS

a) Keluar daripada dubur atau qubul dalam keadaan cair atau lembut.

(Contoh: Tahi, air kencing, dan air mani anjing / khinzir atau keturunannya)

b) Keluar daripada saluran lain.

(Contoh: Air liur basi dan muntah)

c) Benda-benda lain yang telah ditetapkan hukumnya sebagai najis.

(Contoh : Darah, nanh, susu daripada binatang yang tidak boleh dimakan, arak, anjing dan semua keturunannya, khinzir dan semua keturunannya, dan semua jenis bangkai kecuali bangkai manusia, ikan dan belalang).

### **3. BAHAGIAN-BAHAGIAN NAJIS**

#### a) Najis Mukhaffafah

Najis ringan iaitu air kencing kanak-kanak lelaki berusia di bawah dua tahun yang tidak makan atau kinum sesuatu selain daripada susu ibunya (susu yang dicampur dengan gula atau tepung itu hukumnya seperti yang selain dari susu)

#### b) Najis Mutawassitah

Najis pertengahan yakni selain daripada najis mukhaffafah dan najis mughallazah. Najis mutawassitah terbahagi kepada dua:

Najis ainiyyah-najis yang berwujud (tampak dan dapat dilihat) seperti kotioran daripada haiwan.

Najis hukmiyyah-najis yang tidak berwujud (tidak tampak dan tidak terlihat) seperti air kencing yang sudah kering.

#### c) Najis Mughallazah

Najis berat seperti anjing dan babi serta keturunannya dan barang-barang yang diperbuat daripadanya.

#### d) Najis-najis lain

Selain daripada tiga jenis najis di atas, terdapat satu najis lagi iaitu "najis Ma'fu" iaitu najis yang dimaafkan seperti nanah atau darah yang cuma keluar sedikit, debu atau air kotor yang memercik sedikit dan sukar untuk dihindarkan.

### **4. ALAT-ALAT UNTUK MENYUCIKAN NAJIS**

Bahan-bahan yang boleh digunakan untuk menyucikan najis ialah:

#### a) Bagi najis Mukhaffafah dan Mutawassitah

- i. Air Mutlak (air yang suci lagi menyucikan) iaitu:
  - air hujan
  - air sungai
  - air laut
  - air mata air
  - air perigi
  - air embun
  - salji

#### b) Bagi Najis Mughallazah

- i. Air Mutlak
- ii. Debu Tanah
- iii. Sabun (Merujuk kepada Keputusan Jawatankuasa fatwa Kebangsaan 2004-2007 hukum Melakukan Samak terhadap Najis Mughallazah menggunakan Sabun Tanah Liat adalah dibolehkan (muzakarah ke 76 pada 21-23 November 2006) ianya seperti yang tercatat dalam teks keputusan berikut: "Sabun yang

menggandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak.”

## **5. CARA-CARA MENYUCIKAN NAJIS**

- a) Najis Mukhaffafah
  - i. Basuh bahagian yang terkena najis dan kemudian lap.
  - ii. Percikkan air di tempat yang terkena najis.
  - iii. Lap dengan kain bersih sehingga kering.
- b) Najis Mutawassitah
  - i. Buang najis dari tempat yang terkena kotoran.
  - ii. Basuh tempat yang terkena najis dengan air mutlak.
  - iii. Pastikan bahagian yang terkena najis tadi hilang bau, warna dan rasa najis tersebut.
- c) Najis Mughallazah
  - i. Bersihkan bahagian yang terkena najis.
  - ii. Basuh sebanyak tujuh kali. Sekali daripadanya mesti menggunakan tanah bersih yang dicampur dengan air.
  - iii. Gunakan air mutlak untuk membuat basuhan seterusnya (sebanyak enam kali) sehingga warna, bau dan rasa najis tersebut hilang.

## **BERSUCI DARIPADA NAJIS, ISTINJAK DAN MANDI WAJIB**

### **1. PENGERTIAN BERSUCI**

Dari segi bahasa ertiannya suci dan bersih. Manakala Istilah Syarak ialah suci dan bersih daripada najis atau hadas.

### **2. HUKUM, TUJUAN DAN HIKMAH BERSUCI**

Hukum bersuci ialah WAJIB di atas tiap-tiap mukallaf lelaki dan ibadah-ibadah yang lain. Hikmah disuruh melakukan bersuci ialah kerana semua ibadah khusus yang kita lakukan itu adalah perbuatan mengadap dan menyembah Allah Ta’ala. Oleh itu untuk melakukannya, maka wajiblah berada di dalam keadaan suci sebagai mengagungkan kebesaran Allah s.w.t.

### **3. ALAT-ALAT BERSUCI**

- a) Air mutlak.
- b) Debu tanah.
- c) Benda-benda kesat (batu, kayu, kertas, daun kering)

#### **4. JENIS-JENIS AIR**

##### **a) Air Mutlak**

Air yang suci lagi menyucikan yang kekal dengan sifat asal kejadiannya. Air tersebut masih dikatakan air mutlaq walaupun ia sudah berubah disebabkan lama terbiar, disebabkan tanah, lumut dan tempat bertakung atau tempat mengalirnya mengandungi belerang. Hal ini kerana air itu sukar untuk dielakkan daripada perkara tersebut.

##### **b) Air Musyammas**

Iaitu air yang suci lagi menyucikan tetapi makruh menggunakaninya. Air yang suci lagi menyucikan yang lain tetapi makruh digunakan pada tubuh badan tidak pada pakaian. Air Musyammas bermaksud air yang panas yang terdedah kepada cahaya matahari iaitu pada negeri-negeri yang beriklim panas yang mana ia memberi mudharat apabila terekena kulit atau tubuh badan menyebabkan penyakit sopak, kusta dan sebagainya.

##### **c) Air Musta'mal**

Iaitu air yang suci pada dirinya tetapi tidak menyucikan yang lain yang mana maksudnya dengan perkataan air itu boleh diminum tetapi tidak sah dipakai untuk menyucikan sesuatu.

###### **i) Air Mujawir**

Bercampur dengan cara Mujawir iaitu air yang berubah dengan sebab termasuk di dalamnya dengan sesuatu yang dapat dipisahkan daripada air, contohnya sebuah baldi yang penuh dengan air termasuk di dalamnya sebatang kayu cendana dan kayu itu boleh dipisahkan daripada air tersebut, maka hukum air itu ialah air mutlak.

###### **ii) Air Mukhalit**

Bercampur dengan cara Mukhalit iaitu benda yang masuk ke dalam air itu tidak dapat dipisahkan daripada air, contohnya sebuah baldi yang penuh dengan air maka termasuk ke dalamnya nila maka dihukumnya air Musta'mal.

##### **d) Air Mutannajis**

- i) Air yang sukatannya kurang dari dua kolah dan terkena benda najis kecuali yang dimaafkan, sama ada berubah sifat (warna, rasa dan bau) atau tidak.
- ii) Air yang sukatannya lebih dari dua kolah dan berubah sifat (warna, rasa dan bau) sama ada perubahan itu sedikit atau banyak.

Dr. Wahbah az-Zuhaili dalam Kitab Al-Fiqhul Islami Wa Aidillatuhu menyatakan jumlah (dua kolah) ini sebagai 270 liter.

## **5. JENIS-JENIS BERSUCI**

- a) Istinja
- b) Wudhu
- c) Tayammum
- d) Mandi

### **ISTINJAK**

#### **1. PENGERTIAN ISTINJAK DAN HUKUMNYA**

Istinja dari segi syarak bermaksud membersihkan qubul dan dubur selepas membuang air besar atau air kecil dengan menggunakan alat-alat tertentu. Hukum beristinja bagi umat Islam adalah wajib.

#### **2. ALAT-ALAT ISTINJAK**

- a) Air mutlak (air hujan, air sungai, air laut, air embun, air mata air, air paip, air perigi dan air salji).
- b) Benda-benda kesat (batu, kayu, kulit kayu, ranting kayu, kertas, tisu, daun kering, daun yang kesat dan sebagainya yang boleh menanggalkan najis)

Maksud hadith dari Anas r.a menceritakan: "Adalah Nabi s.a.w. apabila keluar membuang air, aku akan bawakan untuknya satu bekas air untuk beliau beristinja".

Menurutnya mazhab Syafi'i, paling baik ialah menggabungkan kedua-duanya: iaitu menyapu najis dengan membasuh dengan air. Cara ini adalah terbaik kerana dapat menjimat air dan mengelak tangan dari terlalu banyak menyentuh najis. Harus menggunakan salah satu cara iaitu dengan air sahaja atau dengan benda kesat sahaja. Namaun beritinja dengan air adalah lebih afdhal kerana lebih menyucikan.

#### **3. ADAB BERISTINJAK**

- a) Gunakan tangan kiri

Beristinja sunat menggunakan tangan kiri. Beristinja dengan tangan kanan adalah makruh, kecuali tidak dapat dielakkan. Nabi s.a.w. berabda yang bermaksud: "Sesiapa dari kamu kencing, janganlah ia memegang KEMALUANnya dengan tangan kanannya".

#### **4. BAHAN-BAHAN HARAM UNTUK ISTINJAK**

- a) Kertas atau bahan yang bertulis ayat al-Quran atau hadis nabi, nama-nama Allah dan Rasul.
- b) Bahan-bahan makanan seperti roti biskut dan sebagainya.
- c) Benda-benda najis yang kering seperti tahi lembu.
- d) Benda-benda licin seperti plastik
- e) Benda-benda merbahaya seperti kaca.

## **5. SYARAT-SYARAT BERISTINJAK DENGAN BENDA KESAT**

Cara beristinjak dengan benda-benda kesat sahaja tanpa menggunakan air mesti memenuhi syarat-syarat di bawah. Iaitu:

- a) Hendaklah dengan sekurang-kurangnya tiga kali sapu, tidak boleh kurang darinya. Salman al-Farisi r.a. menveritakan;"Nabi s.a.w. menegah kami dari beristinjak kurang dari tiga batu (yakni tiga sapuan batu)". Jika tiga kali sapuan tidak mencukupi, wajib ditambah dan sunat tambahan itu ganjil (yakni lima, tujuh dan sebagainya). Tiga kali sapu boleh juga menggunakan bahan yang sama misalnya, ranting kayu yang panjang asalkan tidak bertindih sapuannya pada tempat yang sama.
- b) Hendaklah najis tidak melepassi papan punggung atau hasyafah (yakni kepala KEMALUAN). Jika najis meleleh melepassi kawasan tersebut, wajib istinjak dengan air.
- c) Hendaklah sebelum najis kering. Jika najis telah kering, wajib istinjak dengan air.
- d) Bahan yang digunakan hendaklah bersih dan kering. Sifatnya hendaklah boleh menanggalkan najis, iaitu tidak terlalu licin atau terlalu kasar kerana tujuan istinjak ialah untuk menanggalkan najis, maka hendaklah bahan yang digunakan boleh memenuhi tujuan tersebut.
- e) Bahan yang digunakan bukan dari makanan manusia atau jin seperti tulang. Kata Nabi s.a.w.; Janganlah kamu beristinjak dengan tahi binatang, dan juga dengan tulang kerana ia adalah makanan saudara kamu dari kalangan jin".

## **6. HIKMAH ISTINJAK**

- a) Terhindar daripada penyakit
- b) Memberi keselesaan kepada diri dan orang lain
- c) Menyihatkan badan

## **MANDI WAJIB**

### **1. PENGERTIAN MANDI**

Pengertian mandi dari segi syarak ialah meratakan air mutlak ke seluruh badan dengan niat.

### **2. BAHAGIAN MANDI**

- a) Mandi terbahagi kepada tiga bahagian iaitu;
  - i) Mandi wajib iaitu mandi yang disertakan niat kerana berhadas besar.
  - ii) Mandi Sunat iaitu mandi yang disertakan niat kerana tujuan tertentu seperti mandi hari jumaat.
  - iii) Mandi harus iaitu mandi selain mandi wajib dan mandi sunat seperti mandi untuk menyegarkan badan.
- b) Sebab yang mewajibkan mandi bagi lelaki dan perempuan ialah;
  - i) Keluar mani
  - ii) Bersetubuh
  - iii) Mati selain mati syahid.
- c) Sebab yang mewajibkan mandi bagi perempuan sahaja ialah:
  - i) Keluar darah haid
  - ii) Keluar darah nifas
  - iii) Wiladah iaitu melahirkan anak

### **3. RUKUN MANDI WAJIB**

Terdapat dua rukun mandi wajib iaitu:

- a) Niat
- b) Meratakan air ke seluruh badan.

### **4. PERKARA SUNAT KETIKA MANDI WAJIB**

Terdapat tujuh perkara sunat ketika mandi wajib iaitu:

- a) Membersihkan najis atau kekotoran yang ada pada badan.
- b) Berwuduk sebelum mandi
- c) Memulakan mandi dengan membaca bismillah
- d) Mendahului anggota sebelah kanan
- e) Menggosok seluruh anggota badan
- f) Menyelati jari kaki, tangan dan rambut
- g) Berdoa selepas mandi

## **5. HIKMAH MANDI WAJIB**

Terdapat banyak hikmah mandi wajib, di sini disenaraikan lima hikmah tersebut iaitu:

- a) Membolehkan mengerjakan ibadat
- b) Memberi kesegaran pada anggota badan
- c) Menjaga kehormatan diri
- d) Mencergaskan fikiran
- e) Membersihkan rohani

## **6. PERKARA HARAM DILAKUKAN KETIKA BERHADAS BESAR**

Perkara-perkara yang haram dilakukan oleh lelaki dan perempuan ketika berhadas besar iaitu:

- a) Solat sama ada fardhu atau sunat
- b) Sujud tilawah atau sujud syukur
- c) Membaca, menyentuh dan membawa al-Quran
- d) Tawaf
- e) Berhenti dalam masjid (iktikaf)

## **7. LARANGAN KE ATAS PEREMPUAN YANG HAID DAN NIFAS**

- a) Puasa wajib atau sunat
- b) Bergurau senda antara pusat dan lutut bagi suami isteri
- c) Melakukan persetubuhan

## **WUDUK**

### **1. PENGERTIAN WUDUK**

Dari segi ertinya bersih dan indah. Wuduk ialah membersihkan anggota wuduk untuk menghilangkan hadas kecil dengan menggunakan air mutlak.

### **2. RUKUN-RUKUN WUDUK**

1. Niat (Ketika memasuh muka) “Sahaja aku berwuduk kerana Allah ta’ala”.
2. Membasuh muka.
3. Membasuh dua tangan hingga siku.
4. Menyapu sebahagian Kepala.
5. Membasuh kedua belah kaki.
6. Tertib.

### **3. PERKARA SUNAT WUDUK**

1. Membaca Basmalah
2. Membasuh tangan hingga pergelangan tangan
3. Berkumur

4. Memasukkan air ke dalam hidung
5. Menyapu seluruh kepala.
6. Membasuh telinga.
7. Mendahulukan yang kanan dari yang kiri.
8. Membasuh anggota wuduk sebanyak tiga kali.
9. Membaca doa selepas wuduk:

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهُدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَابِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنَ  
الْمُتَطَهِّرِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ

*"Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Esa, tidak ada yang menyekutukan-Nya dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu hamba-Nya dan pesuruh-Nya. Ya Allah jadikanlah aku orang yang bertaubat dan jadikanlah aku orang yang menjaga kebersihan, jadikanlah aku daripada hamba-Mu yang soleh."*

#### **4. PERKARA YANG MEMBATALKAN WUDUK**

- i. Keluar sesuatu daripada lubang dubur atau qubul sama ada tahi, kencing, darah, nanah, cacing, angin, air mazi atau air wadi dan sebagainya melainkan air mani sendiri kerana apabila keluar mani diwajibkan mandi.
- ii. Tidur yang tidak tetap punggungnya, kecuali tidur dalam keadaan rapat kedua-dua papan punggung ke tempat duduk.
- iii. Hilang akal dengan sebab mabuk, gila, sakit, pengsan atau pitam kerana apabila hilang akal, seseorang itu tidak mengetahui keadaan dirinya.
- iv. Bersentuh kulit lelaki dengan perempuan yang halal nikah atau ajnabiyyah (bukan mahram) walaupun telah mati.
- v. Menyentuh kemaluan (qubul dan dubur manusia) dengan perut tapak tangan walaupun kemaluan sendiri.
- vi. Murtad iaitu keluar dari agama Islam.

## **SOLAT FARDHU DAN SOLAT JUMAAT**

### **1. PENGERTIAN SOLAT FARDHU**

Dari segi bahasa, Solat bererti berdoa, atau dengan kata lain bererti mengagungkan. Manakala pengertian solat menurut syara' adalah ucapan-ucapan dan perbuatan-perbuatan tertentu, yang dimulai dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam.

### **2. SYARAT WAJIB SOLAT**

- a) Islam
- b) Baligh
- c) Berakal
- d) Suci daripada haid dan nifas bagi perempuan

### **3. SYARAT SAH SOLAT**

- a) Suci dan bersih badan daripada hadas kecil dan hadas besar
- b) Suci dan bersih pakaian serta tempat solat daripada najis
- c) Menutup aurat
- d) Mengadap kiblat
- e) Yakin bahawa waktu solat telah masuk

### **4. RUKUN SOLAT**

Rukun solat ada 13 perkara iaitu :

1. Berdiri bagi yang mampu. (Fi'li)
2. Niat. (Qalbi)
3. Takbiratul Ihram (Allahu Akbar yang pertama). (Qauli)
4. Membaca surah al-Fatihah. (Qauli)
5. Rukuk dengan tama'ninah. (Fi'li)
6. Iktidal dengan tama'ninah. (Fi'li)
7. Sujud dengan tama'ninah. (Fi'li)
8. Duduk di antara dua sujud, dengan tama'ninah. (Fi'li)
9. Duduk Tasyahhud akhir. (Fi'li)
10. Membaca bacaan Tasyahhud akhir (Qauli)
11. Selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w. dalam Tasyahhud akhir (Qauli)
12. Mengucap salam yang pertama (Qauli)
13. Tertib (Qalbi)

## 5. NIAT SOLAT FARDHU

- Niat solat fardhu subuh

**أَصَّلَى فَرْضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى**

“Sahaja aku sembahyang fardhu subuh dua rakaat (\*) tunai kerana Allah Ta'ala.”

- Niat solat fardhu zuhur

**أَصَّلَى فَرْضَ الظُّهُرِ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى**

“Sahaja aku sembahyang fardhu zohor empat rakaat (\*) tunai kerana Allah Ta'ala.”

- Niat solat fardhu asar

**أَصَّلَى فَرْضَ الْعَصْرِ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى**

“Sahaja aku sembahyang fardhu asar empat rakaat (\*) tunai kerana Allah Ta'ala”

- Niat solat fardhu maghrib

**أَصَّلَى فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى**

“Sahaja aku sembahyang fardhu maghrib tiga rakaat (\*) tunai kerana Allah Ta'ala.”

- Niat solat fardhu isya'

**أَصَّلَى فَرْضَ الْعِشَاءِ أَرْبَعَ رَكْعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى**

“Sahaja aku sembahyang fardhu 'isyak empat rakaat (\*) tunai kerana Allah Ta'ala.”

## 6. BACAAN-BACAAN DI DALAM SOLAT

- Bacaan Doa Qunut (Hanya Ketika Solat Fardu Subuh)

اللّٰهُمَّ اهْدِنِي فِيمْنٌ هَدَيْتَ وَعَافَنِي فِيمْنٌ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنِي فِيمْنٌ  
تَوَلَّيْتَ  
وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ ،فَإِنَّكَ تَقْضِي  
وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ  
وَإِنَّهُ لَا يَذُلُّ مَنْ وَالْيَتَ وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ  
تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ ،فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ  
وَأَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ  
وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ النَّبِيِّ الْأُمَّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
وَسَلَّمَ

"Ya Allah tunjukkanlah saya sebagaimana mereka yang sudah Engkau berikan petunjuk.

Dan kasihkanlah kesehatan kepadaku sebagaimana mereka yang Engkau sudah kasih kesehatan.

Dan peliharalah aku sebagaimana orang yang telah Engkau pelihara.

Dan berilah keberkahan bagiku pada segala apa yang Engkau sudah karuniakan.

Dan lindungi aku dari segala bahaya kejahatan yang Engkau sudah pastikan.

Maka sesungguhnya Engkaulah yang menghukum dan bukan kena hukum.

Maka sesungguhnya tidak hina orang yang Engkau pimpin.

Dan tidak mulia orang yang mana Engkau memusuhinya.

Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan Maha tinggi Engkau"

➤ Doa Iftitah

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ  
اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا وَجَهْتُ وَجْهِي لِلَّذِي  
فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا مُسْلِمًا  
وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي  
وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لَا شَرِيكَ  
لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ

“Allah Maha Besar, segala puji bagi Allah.

Maha Suci Allah pagi dan petang.

Aku hadapkan mukaku kepada Tuhan yang menciptakan langit dan bumi,  
hal keadaannya bersih dalam Islam.

Tidaklah aku dari golongan orang-orang yang mensyirikkan Tuhan.

Sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidup dan matiku bagi Allah,  
Tuhan yang memiliki alam keseluruhannya.

Tidak ada bersekutu denganNya sesuatu dan dengan demikian aku  
disuruh dan aku dari golongan muslimin.”

➤ Bacaan dalam Rukuk

سُبْحَانَ رَبِّي الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ

“Maha suci Tuhan yang Maha Agong dengan sifat Kepujian-Nya”

➤ Bacaan dalam Sujud

سُبْحَانَ رَبِّيِ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ

"Maha suci Tuhanmu yang Maha Tinggi dengan Kepujian-Nya"

➤ Bacaan dalam duduk antara 2 sujud

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاجْبُرْ نِي وَارْفَعْنِي وَارْزُقْنِي وَاهْدِنِي  
وَعَافِنِي وَاعْفُ عَنِي

"Ya Allah,ampunilah dosaku,belas kasihinilah aku dan cukuplah segala kekuranganku da angkatlah derajatku dan berilah rezeki kepadaku,dan berilah aku petunjuk dan berilah kesehatan padaku dan berilah ampunan kepadaku"

➤ Bacaan dalam Tahiyyat

الْتَّحِيَّاتُ الْمَبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ  
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ أَشْهَدُ  
أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ

"Segala penghormatan, selawat dan seluruh kebaikan hanyalah milik Allah. Semoga salam tetap terlimpah padamu, wahai Nabi Muhammad, beserta rahmat dan kurnia-Nya. Semoga keselamatan juga tetap terlimpah pada kita semua serta atas hamba-hamba Allah yang

*soleh. Aku bersaksi tiada tuhan selain Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya”*

➤ **Sujud Sahwi dan bacaanya**

Sujud yang dilakukan sebanyak 2 kali sebelum salam kerana tertinggal sunat ab'ad dalam solat.

سُبْحَانَ رَبِّنَاٰ لَا يَسْتَهْوِي (3x)

*“Maha Suci Dzat yang tidak tidur dan tidak lupa”*

## 7. PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

- i. Berkata-kata dengan sengaja.  
Berkata-kata dengan sengaja yang selain daripada al-quran, zikir atau doa dua huruf dan ke atas walau tidak difahami, atau satu huruf yang difahami maknanya.
- ii. Menambah atau mengurangkan perbuatan rukun solat.  
Membuat beberapa perbuatan yang pada *urufnya* (adatnya) tidak disuruh melakukannya dalam solat.
- iii. Kedatangan hadas.  
Sama ada hadas kecil atau hadas besar.
- iv. Najis yang tidak dapat dimaafkan.  
Kedatangan najis yang tidak dimaafkan sama ada pada badan dan pakaian. Sekiranya jatuh najis yang kering pada pakaian dan boleh dibuang pada masa itu juga, maka tidaklah batal solat. Tetapi najis itu tidak boleh disentuh dengan tangan.
- v. Terbuka aurat.  
Terbuka aurat walaupun tidak dengan sengaja seperti ditiup angin tetapi sekiranya boleh ditutup sekejap itu juga, maka tidaklah terbatal.
- vi. Membelakangkan kiblat dengan dadanya.
- vii. Mengubat niat  
Umpamanya ia solat fardu zohor kemudian ditukar niatnya kepada solat sunat zohor maka batal solatnya. Tetapi kalau berniat sunat mutlak tidaklah batal.

- viii. Makan walaupun sedikit  
Seperti menelan sebiji nasi di dalam mulutnya kecuali dia terlupa.
- ix. Minum  
Seperti menelan air liur yang masih lagi terasa manisnya.
- x. Mengeluarkan suara selain bacaan dalam solat.  
Seperti ketawa sehingga terkeluar suara yang mengandungi dua huruf, begitu juga menangis.
- xi. Murtad iaitu keluar daripada agama Islam

## **8. KESALAHAN BERKAITAN SOLAT**

SEMBAHYANG adalah amalan pertama yang dihisab Allah pada akhirat nanti. Jika sembahyang seseorang baik, baiklah pula seluruh amalannya dan begitu sebaliknya.

Sembahyang perlu dipelihara sebaik-baiknya. Antara kesalahan yang selalu dilakukan berkaitan sembahyang adalah:

1. Meninggalkan sembahyang.

Hal ini adalah suatu kekufuran berdasarkan al-Quran, sunnah dan ijmak.

Allah berfirman bermaksud: "Apakah yang membuat kalian masuk ke dalam Neraka Saqar? Mereka menjawab: "(Kerana) kami dulu tidak termasuk orang yang mendirikan solat." (Surah al-Muddatstsir, ayat 4)

Rasulullah saw bersabda: "Perjanjian antara kami dengan mereka adalah solat, barang siapa meninggalkannya maka dia kafir." (Hadis riwayat Ahmad dan lainnya).

2. Melengah-lengahkan solat.

Firman Allah bermaksud : "Sesungguhnya solat itu wajib atas orang beriman dalam waktu yang sudah ditentukan." (Surah an-Nisa, ayat 103)

Oleh itu, melengah-lengahkan solat tanpa uzur yang dibolehkan syarak adalah berdosa besar.

Rasulullah bersabda: "Itu adalah solat orang munafik. Dia duduk menunggu matahari, sampai jika matahari sudah berada antara dua tanduk syaitan (hendak tenggelam) dia berdiri dan menukik empat rakaat, sedangkan dia tidak mengingat Allah dalamnya kecuali sedikit." (Hadis riwayat Muslim).

3. Meninggalkan solat berjemaah.

Solat berjemaah adalah wajib kecuali bagi orang yang memiliki uzur yang dibolehkan syarak. Sabda Rasulullah bermaksud: "Siapa yang mendengarkan seruan azan tetapi tidak memenuhinya maka tidak ada solat baginya, kecuali kerana uzur." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Allah berfirman, maksudnya: "Dan rukuklah bersama orang yang rukuk.(Surah al-Baqarah, ayat 43).

Rasulullah bersabda: "Kemudian aku mengutus (utusan) kepada orang yang tidak solat berjemaah, hingga aku bakar rumah mereka." (Muttafaq Alaih).

#### 4. Tidak thuma'ninah dalam solat.

Thuma'ninah adalah rukun solat dan tidak sah solat tanpanya. Thuma'ninah ertinya tenang ketika sedang rukuk, iktidal, sujud dan duduk antara dua sujud.

Tenang maksudnya sampai tulang kembali pada posisi dan persendiannya, tidak tergesa-gesa dalam penggantian dari satu rukun ke rukun lainnya.

#### 5.Tidak khusyuk dan banyak gerakan dalam solat.

#### 6. Mendahului atau menyelisihi imam. Hal ini boleh menyebabkan solat batal.

Maknum hendaklah mengikuti imam, tidak mendahului atau terlambat. Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya diadakannya imam itu untuk diikuti, kerana itu jika dia bertakbir, bertakbirlah, dan jangan kalian bertakbir sampai dia bertakbir, dan jika dia rukuk, maka rukuklah dan jangan kalian rukuk sampai dia rukuk..." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

#### 7. Bangun dari duduk untuk menyempurnakan rakaat sebelum imam selesai dari salam kedua.

#### 8. Memandang ke langit (atas) atau menoleh ke kiri dan ke kanan ketika solat.

Hal ini diperkatakan Rasulullah dalam sabdanya: "Hendaklah orangmu berhenti daripada mendongakkan pandangannya ke langit ketika solat atau Allah tidak mengembalikan pandangannya kepada mereka." (Hadis riwayat Muslim).

"Dan jauhilah orang yang menoleh dalam solat kerana sesungguhnya ia adalah suatu kebinasaan." (Hadis riwayat at-Tirmizi)

#### 9. Mengenakan pakaian nipis yang tidak menutupi aurat.

Hal ini membatalkan solat kerana menutup aurat adalah syarat sah solat.

10. Tidak memakai tudung dan menutupi telapak kaki bagi wanita kerana aurat wanita dalam solat adalah seluruh tubuhnya kecuali wajah dan telapak tangan.

Ummu Salamah ditanya mengenai pakaian solat wanita. Beliau menjawab: "Hendaknya dia solat dengan kerudung, dan baju kurung panjang yang menutupi kedua-dua telapak kakinya."

11. Melintas di depan orang yang sedang solat.

Rasulullah bersabda: "Seandainya orang yang lalu di depan orang solat itu mengetahui dosanya, tentu berhenti (menunggu) empat puluh (tahun) lebih baik baginya daripada melintas di depannya." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

12. Tidak melakukan takbiratul ihram ketika mendapati imam sedang rukuk.

Takbiratul ihram adalah rukun solat dan wajib dilakukan dalam keadaan berdiri, baru kemudian mengikuti imam yang sedang rukuk.

13. Tidak langsung mengikuti keadaan imam ketika masuk masjid.

Orang yang masuk masjid hendaknya langsung mengikuti imam, baik ketika itu sedang duduk, sujud atau lainnya.

Rasulullah bersabda: "Jika kalian datang untuk solat dan kami sedang sujud, maka sujudlah!" (Hadis riwayat Abu Daud).

14. Melakukan sesuatu yang melalaikan daripada solat seperti menonton televisyen dan bersempang.

Allah berfirman, maksudnya: "Wahai orang beriman, janganlah hartamu dan anak-anakmu melalaikanmu daripada mengingat Allah, barang siapa melakukan demikian maka mereka itulah orang yang rugi." (Surah al-Munafiqun, ayat 9).

15. Makruh memejamkan mata ketika solat tanpa keperluan seperti diriwayatkan Ibnu Qayyim berkata, Nabi tidak mencontohkan solat dengan memejamkan mata.

Tetapi, jika memejamkan mata diperlukan, misalnya, kerana di hadapannya ada lukisan atau sesuatu yang menghalangi kehusyukannya maka hal itu tidak makruh.

16. Tidak melurus atau merapatkan barisan ketika berjemaah.

Nabi Muhammad s.a.w bersabda: "Kalian mahu meluruskan barisan kalian atau Allah akan membuat perselisihan antara hati kalian." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

17. Tidak memperhatikan sujud dengan tujuh anggota.

Nabi Muhammad saw bersabda: "Kami diperintahkan untuk sujud dengan tujuh anggota; kening dan beliau mengisyaratkan dengan tangannya sampai ke hidungnya, dua tangan, dua lutut dan dua telapak kaki." (Muttafaq Alaih)

## 9. SOLAT JAMAK & QASAR

MAKSUD JAMAK & QASAR:

1. Makna Jamak ialah dihimpunkan
2. Makna Qasar ialah dipendekkan
3. Niat musafir sebelum keluar daripada rumah:

"Sahaja aku musafir kerana Allah Tallah".  
Kita boleh melakukan selama tiga hari tinggal bermukim.

4. Ada tiga syarat sah solat musafir yakni jamak dan qasar berkaitan dengan perjalanan:

1. **Perjalanan yang jaraknya hingga 92 km dan lebih (2 MARHALA).** Oleh itu, tidak diambil kira perjalanan yang kurang daripada jarak tersebut. Dia juga hendaklah tidak berniat menetap selama empat hari di tempat yang dituju selain pada hari mula sampai dan pada hari akan keluar. Apabila berniat menetap selama empat hari jadilah tempat yang dituju itu seolah-olah negerinya atau tempat tinggalnya yang tetap. Oleh itu dia tidak harus bersolat qasar lagi di situ dan haknya untuk bersolat qasar kekal semasa dalam perjalanan sahaja.
2. **Perjalanan yang tentu tempat tujuannya.** Oleh itu, orang yang merayau-rayau tanpa tujuan ke tempat yang tertentu, dan orang yang mengikut ketuanya tanpa mengetahui ke mana hendak di bawanya, perjalanan mereka tidak mengharuskan qasar kecuali setelah menjangkau jarak perjalanan yang jauh. Ini kerana telah diyakini jauh perjalannnya.
3. **Perjalanan tersebut tidak bertujuan maksiat.** Justeru, tidak diambil kira perjalanan musafir untuk bermula arak, mengamalkan riba' atau menyamun. Ini kerana qasar merupakan keringanan yang disyariatkan untuk menuaikan sesuatu tanggungjawab, dan ia tidak boleh terkait dengan sebarang maksiat.

Manakala, **tiada syarat sah yang mewajibkan bermalam.** Sebaliknya, Hukum Syarak hanya menetapkan waktu maksimum iaitu 3 hari tidak termasuk hari pergi dan hari keluar. Ini berdasarkan hadis al-Ala` bin al-Hadhrami RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثُ الْمُهَاجِرُ بَعْدَ الصَّدَرِ

Maksudnya: “*Tiga hari bagi orang Muhajirin (boleh menetap di Makkah) selepas al-sadar (yakni selesai manasik Haji).*”

Riwayat al-Bukhari (3933) dan Muslim (1352)

Berkata Imam Abu Ishak al-Syairazi sebelum berdalilkan hadis ini: “*Jika seorang musafir itu berniat muqim (menetap) empat hari selain hari masuk dan hari keluar maka jadilah sebagai seorang mukim (semata-mata dengan niat itu), dan terpotonglah (yakni terhentilah) rukhsah musafirnya kerana berniat menetap tiga hari tidak menjadikan musafir itu seorang mukim.*”

Berkenan dalil solat jamak ketika musafir, daripada Ibn Abbas R.Anhuma, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْمَعُ بَيْنَ صَلَاةِ الظَّهَرِ وَالعَصْرِ إِذَا كَانَ عَلَى ظَهْرِ سَيْرٍ، وَيَجْمَعُ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ

Maksudnya: “*Rasulullah SAW menjama’kan solat Zuhur dengan Asar ketika perjalanan (yakni bermusafir) dan menjama’kan solat Maghrib dengan Isya’.*”

Berdasarkan keterangan di atas, **dibenarkan bagi seseorang yang musafir ke suatu destinasi yang melebihi 2 marhalah untuk melakukan solat musafir seperti jamak dan qasar, sekalipun dia hanya balik hari dan tidak bermalam.**

## 5. Cara Jamak takdim dan diqasarkan (dipendekkan)

### SOLAT QASAR JAMAK TAKDIM — ZOHOR & ASAR

1. setelah masuk waktu zohor dan ketika itu kita sudah berada dalam perjalanan bermusafir, maka berwuduk dan bersedialah untuk solat.

2. Dalam keadaan berdiri dan mengadap kiblat, ucapkanlah lafaz niatnya (lafaz niat tidak wajib, yang wajib adalah niat semasa Takbiratul Ihram):

أُصَلِّي فَرْضَ الظَّهَرِ قَصْرًا رَكْعَتَيْنِ  
جَمْعَ تَقْدِيمٍ لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu Zohor, qasar dua rakaat jamak takdim kerana Allah Taala.”

3. Sewaktu takbiratul ihram, niatkanlah di dalam hati sebagaimana maksud lafaz niat di atas.
4. Kerjakanlah solat fardu zohor tersebut sebanyak dua rakaat dengan pembacaan surah al-Fatihah dan diikuti surah-surah lain.
5. Jangan pisahkan terlalu lama antara kedua solat fardu tersebut.
6. Lafaz niat untuk solat jamak fardu Asar:

أُصَلِّي فَرْضَ الْعَصْرِ قَصْرًا رَكْعَتَيْنِ  
جَمْعٌ تَقْدِيمٌ لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu Asar, qasar dua rakaat jamak takdim kerana Allah Taala.”

7. Sewaktu Takbiratul Ihram, niatkanlah di dalam hati sebagaimana maksud lafaz niat di atas.
8. Kerjakan solat fardu Asar tersebut sebanyak dua rakaat dengan pembacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti surah-surah lain.
9. Dengan demikian, kita tidak perlu mengerjakan solat fardu Asar di waktu Asar nanti.

### SOLAT QASAR JAMAK TAKHIR — ZOHOR & ASAR

1. Setelah masuk waktu zohor dan ketika itu kita sudah berada dalam perjalanan bermusafir, maka berniatlah kita untuk mengerjakan solat fardu Zohor di waktu Asar nanti.
2. Niatnya lebih kurang begini, “Sahaja aku akan mengerjakan solat fardu Zohor jamak takhir di waktu Asar nanti”.
3. Niat ini adalah syarat untuk jamak takhir. Jika tidak diniatkan dalam waktu Zohor, jamak tersebut tersebut tidak sah.
4. Maksudnya, jika terlupa niat, kita tidak boleh buat jamak takhir tetapi mesti qada solat Zohor dahulu. Apabila masuk waktu Asar, bersedia lah untuk solat. Mulakan dengan solat fardu Asar dahulu.

Dalam keadaan berdiri dan mengadap kiblat, ucapkanlah lafaz niatnya (lafaz niat tidak wajib, yang wajib adalah niat semasa Takbiratul Ihram):

أُصَلِّي فَرْضَ الْعَصْرِ قَصْرًا رَكْعَتَيْنِ  
جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu Asar, qasar dua rakaat jamak takhir kerana Allah Taala.”

1. Sewaktu Takbiratul Ihram, niatkanlah di dalam hati sebagaimana maksud lafaz niat di atas.
2. Kerjakanlah solat fardu Asar tersebut sebanyak dua rakaat dengan pembacaan surah Al-Fatihah dan diikuti surah-surah lain.
3. Selesai sahaja salam, teruslah bangun berdiri untuk solat fardu Zohor tanpa membaca wirid, doa, atau solat sunat.
4. Jangan dipisahkan terlalu lama antara kedua solat fardu tersebut.
5. Lafaz niat untuk solat fardu zohor:

أُصَلِّي فَرْضَ الظُّهُرِ قَصْرًا رَكْعَتَيْنِ  
جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu Zohor, qasar dua rakaat jamak takhir kerana Allah Taala.”

Sewaktu Takbiratul Ihram, niatkanlah di dalam hati sebagaimana maksud lafaz niat di atas.

Kerjakanlah solat fardu Zohor tersebut sebanyak dua rakaat dengan pembacaan surah Al-Fatihah dan diikuti surah-surah lain.

## SOLAT QASAR JAMAK TAKDIM — MAGHRIB & ISYAK

1. Setelah masuk waktu maghrib dan ketika itu kita sudah berada dalam perjalanan bermusafir, maka berwuduk dan bersedialah untuk solat.
2. Dalam keadaan berdiri dan mengadap kiblat, ucapkanlah lafaz niatnya (lafaz niat tidak wajib, yang wajib adalah niat semasa takbiratul ihram):

أُصَلِّي فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ  
جَمْعًا تَقْدِيمٌ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku solat fardu Maghrib, tiga rakaat jamak takdim kerana Allah Taala."

3. Sewaktu Takbiratul Ihram, niatkanlah di dalam hati sebagaimana maksud lafaz niat di atas.
4. Kerjakan solat fardu Maghrib tersebut sebanyak tiga rakaat (tiada qasar untuk maghrib) dengan pembacaan surah al-Fatihah dan diikuti surah-surah lain.
5. Selesai sahaja salam, teruslah bangun berdiri untuk solat fardu Isyak tanpa membaca wirid, doa atau solat sunat.
6. Jangan dipisahkan terlalu lama antara kedua solat fardu tersebut.
7. Lafaz niat untuk solat fardu Isyak:

أُصَلِّي فَرْضَ الْعِشَاءِ قَصْرًا رَكَعَتَيْنِ  
جَمْعًا تَقْدِيمٌ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku solat fardu Isyak, qasar dua rakaat jamak takdim kerana Allah Taala."

8. Sewaktu takbiratul ihram, niatkanlah di dalam hati sebagaimana maksud lafaz niat di atas.
9. Kerjakanlah solat fardu Isyak tersebut sebanyak dua rakaat dengan pembacaan surah al-Fatiyah dan diikuti surah-surah lain.
10. Dengan demikian, kita tidak perlu mengerjakan solat fardu Isyak di waktu Isyak nanti.

### **SOLAT QASAR JAMAK TAKHIR — MAGHRIB & ISYAK**

1. Setelah masuk waktu Maghrib dan ketika itu kita sudah berada dalam perjalanan bermusafir, maka berniatlah kita untuk mengerjakan solat fardu Maghrib di waktu Isyak nanti.
2. Niatnya lebih kurang begini, “*Sahaja aku akan mengerjakan solat fardu Maghrib jamak takhir di waktu Isyak nanti*”.
3. Niat ini adalah syarat untuk jamak takhir. Jika tidak diniatkan dalam waktu Maghrib, jamak tersebut tersebut tidak sah.
4. Maksudnya, jika terlupa niat, kita tidak boleh buat jamak takhir tetapi mesti qada solat Maghrib dahulu.
5. Apabila masuk waktu Isyak, bersedia lah untuk solat. Mulakan dengan solat fardu Isyak dahulu.
6. Dalam keadaan berdiri dan mengadap kiblat, ucapkanlah lafaz niatnya (lafaz niat tidak wajib, yang wajib adalah niat semasa Takbiratul Ihram):

أَصَلِّيْ فَرَضَ الْعِشَاءِ قَصْرًا رَكْعَتَيْنِ  
 جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu Isyak, qasar dua rakaat jamak takhir kerana Allah Taala.”

7. Sewaktu Takbiratul Ihram, niatkanlah di dalam hati sebagaimana maksud lafaz niat di atas.
8. Kerjakanlah solat fardhu Isyak tersebut sebanyak dua rakaat dengan pembacaan surah al-Fatiyah dan diikuti surah-surah lain.
9. Selesai sahaja salam, teruslah bangun berdiri untuk solat fardu maghrib tanpa membaca wirid, doa atau solat sunat.
10. Jangan dipisahkan terlalu lama antara kedua solat fardu tersebut.

11. Lafaz niat untuk solat fardu Maghrib:

أُصَلِّي فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكْعَاتٍ  
جَمْعًا تَأْخِيرًا لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu Maghrib tiga rakaat jamak takhir kerana Allah Taala”

12. Sewaktu Takbiratul Ihram, niatkanlah di dalam hati sebagaimana maksud lafaz niat di atas.

13. Kerjakanlah solat fardu Maghrib tersebut sebanyak tiga rakaat (tiada qasar untuk Maghrib) dengan pembacaan surah al-Fatihah dan diikuti surah-surah lain.

### SOLAT JAMAK HARI JUMAAT

1. Orang bermusafir yang memulakan perjalanan sebelum terbit fajar subuh pada hari jumaat tidak diwajibkan solat Jumaat.
2. Walaupun begitu, jika kita hendak melakukan solat Jumaat dan asar secara jamak, ianya sah.
3. Menurut mazhab Syafi'e, harus dijamakkan dengan jamak takdim sahaja dan tidak harus dengan jamak takhir kerana solat Jumaat tidak harus dilewatkan dari waktunya.
4. Imam al-Khatib asy-Syarbini di dalam al-Iqna' berkata: "Jumaat adalah seumpama Zohor dalam jamak taqdim. Ditegah jamak takhir kerana solat Jumaat tidak mungkin dilewatkan dari waktunya."
5. Lakukan solat jumaat seperti biasa. Niatnya adalah:

أُصَلِّي فَرْضَ الْجُمُعَةِ رَكْعَتَيْنِ  
مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku solat fardu Jumaat dua rakaat sebagai makmum kerana Allah Taala”

6. Setelah selesai memberi salam, terus bangun semula untuk mengerjakan solat qasar asar.
7. Niat solat qasar asar adalah seperti niat-niat solat qasar lain di atas.

أُصَلِّي فَرْضَ الْعَصْرِ قَصْرًا رَكْعَتَيْنِ  
جَمْعٌ تَقْدِيمٌ لِلَّهِ تَعَالَى

*“Sahaja aku solat fardu Asar, qasar dua rakaat jamak takdim kerana Allah Taala.”*

8. Sewaktu Takbiratul Ihram, niatkanlah di dalam hati sebagaimana maksud lafaz niat di atas.
9. Kerjakan solat fardu Asar tersebut sebanyak dua rakaat dengan pembacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti surah-surah lain.
10. Dengan demikian, kita tidak perlu mengerjakan solat fardu Asar di waktu Asar nanti.

## **SETULUS PENGHARGAAN**

YBhg. Prof. Datuk Dr. Haji Mohd Taib Bin Haji Dora  
Naib Canselor  
Kolej Universiti Islam Melaka

YBrs Tuan Haji Baharom bin Haji Said  
Timbalan Naib Canselor  
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  
Kolej Universiti Islam Melaka

Ustaz Abdul Aziz Bin Che Ibrahim  
Pensyarah Fakulti Keilmuan Islam

Puan Siti Aisyah Binti Yahya  
Pensyarah Fakulti Sains Sosial

Semua Staf  
Pejabat HEPA  
Kolej Universiti Islam Melaka

Seluruh Jawatankuasa Induk Program Usrah  
Kolej Universiti Islam Melaka

Semua Penyelia dan Felo Kolej Kediaman

Semua Naqib dan Naqibah

Dan

Semua Pihak Yang Terlibat Dalam Menjayakan Program Usrah Pelajar KUIM dan Modul Usrah  
Kolej Universiti Islam Melaka